



**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
MALAYSIA**

**PANDUAN AMBIL ALIH SENGGERAAN LIF, ESKALATOR DAN LALUAN GERAK
2026**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	LATAR BELAKANG	1
2.0	PEMATUHAN PERATURAN	2
3.0	OBJEKTIF	3
4.0	KRITERIA PENGAMBILALIHAN	3
5.0	PROSEDUR PENGAMBILALIHAN	5
6.0	LAIN-LAIN	7
7.0	PEMBATALAN	8
8.0	PERTANYAAN	8

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1. Panduan ini disediakan adalah untuk menambah baik proses pengambilalihan kerja-kerja penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak dengan mengambil kira permasalahan dan maklum balas daripada pemunya dan orang kompeten (syarikat) yang menjalankan kerja-kerja penyenggaraan.
- 1.2. Kerja-kerja penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang dijalankan oleh orang kompeten (syarikat) selain daripada orang kompeten (syarikat) yang membekal/memasang lif, eskalator dan laluan gerak juga telah menimbulkan isu dan menyebabkan lif, eskalator dan laluan gerak tersebut tidak dapat beroperasi dengan baik.
- 1.3. Orang kompeten (syarikat) yang dinyatakan pada perkara 1.2 adalah syarikat yang memasang, menyenggara dan memeriksa lif elektrik penumpang dan barang, eskalator dan laluan gerak dan berdaftar dengan jabatan.
- 1.4. Justeru, bagi memastikan tahap kemahiran dan kompetensi orang kompeten (syarikat) yang dilantik serta operasi sesebuah lif, eskalator dan laluan gerak tidak terjejas, manual penyenggaraan, operasi serta prosedur menyelamatkan mangsa terperangkap seharusnya dimiliki dan diserahkan kepada pemunya sesudah selesai kerja-kerja pemasangan oleh orang kompeten (syarikat) yang membekal/memasang lif, eskalator dan laluan gerak tersebut.
- 1.5. Sehubungan dengan itu, panduan ini dibangunkan adalah untuk memperincikan pelaksanaan, kriteria dan prosedur untuk pengambilalihan senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak bagi

memastikan pertukaran orang kompeten (syarikat) yang bertanggungjawab ke atas penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak dilakukan sebaik mungkin tanpa mengabaikan aspek-aspek keselamatan.

2.0 PEMATUHAN PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LOJI YANG MENGHENDAKI PERAKUAN KELAYAKAN) 2024

- 2.1 Berdasarkan peruntukan di bawah peruntukan peraturan 8(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 [P.U(A) 99/2024] ("Peraturan LYMPK") adalah menjadi kewajipan pemunya tiap-tiap lif, eskalator dan laluan gerak untuk menyenggara lif, eskalator dan laluan gerak pada setiap masa supaya lif, eskalator dan laluan gerak tersebut berada dalam keadaan selamat dan berfungsi dengan baik.
- 2.2 Peraturan 8(3) Peraturan LYMPK pula menyatakan bahawa pemunya hendaklah membuat perjanjian yang tempohnya tidak kurang daripada satu tahun, dengan orang kompeten (syarikat) untuk beri servis, pelarasan dan penelitian menyeluruh lif, eskalator dan laluan gerak itu.
- 2.3 Orang kompeten (individu) iaitu orang yang berkelayakan (OYB) lif daripada orang kompeten (syarikat) tersebut adalah bertanggungjawab untuk memberi servis, melaras, meneliti dan menjalankan pemeriksaan terhadap lif, eskalator dan laluan gerak tersebut.

- 2.4 Orang kompeten (syarikat) yang berniat untuk ambil alih senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak hendaklah membuat permohonan melalui sistem MySKUD pada Modul Kebenaran Ambil Alih Senggaraan Lif dan Eskalator.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Objektif panduan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) memastikan proses pengambilalihan mematuhi kehendak Peraturan LYMPK;
- (ii) memastikan senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang dilaksanakan oleh orang kompeten (syarikat) hendaklah mendapat kebenaran pejabat JKKP negeri terlebih dahulu; dan
- (iii) menetapkan kriteria dan prosedur yang jelas bagi pengambilalihan senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak.

4.0 KRITERIA PENGAMBILALIHAN

- 4.1 Bagi maksud ambil alih senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak, orang kompeten (syarikat) tersebut hendaklah memenuhi kriteria (i) dan (ii) seperti yang berikut:

- (i) mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) OYB lif yang terdiri daripada:

Pilihan A

- (a) seorang OYB Lif Gred 1; dan
- (b) seorang OYB Lif Gred 1 atau seorang OYB Lif Gred 2 atau seorang OYB Lif Gred 3 yang mempunyai:

- I. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang Pemasangan, Pengujian & Penyelenggaraan Lif, Eskalator dan Laluan Gerak yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran; atau
- II. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan Tahap 2 dan ke atas dalam bidang kursus *Lift & Escalator Installation, Testing & Maintenance Operation Course* yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

ATAU

Pilihan B

- (a) seorang OYB Lif Gred 1; dan
- (b) seorang OYB Lif Gred 1 atau seorang OYB Lif Gred 2 atau seorang OYB Lif Gred 3; dan
- (c) sekurang-kurangnya seorang juruteknik lif yang mempunyai:
 - I. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan ke atas dalam bidang Pemasangan, Pengujian & Penyelenggaraan Lif, Eskalator dan Laluan Gerak yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran; atau
 - II. Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan Tahap 2 dan ke atas dalam bidang kursus *Lift & Escalator Installation, Testing & Maintenance Operation Course* yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

- (ii) mematuhi nisbah seorang (1) OYB lif tidak melebihi 200 unit lif, eskalator dan laluan gerak di bawah kawal selainya sebelum memohon kebenaran jabatan untuk sebarang pengambilalihan.

5.0 PROSEDUR PENGAMBILALIHAN

- 5.1. Setiap permohonan kelulusan ambil alih lif, eskalator dan laluan gerak hendaklah dikemukakan kepada pejabat JKPP negeri. Permohonan ambil alih perlu dikemukakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum dilaksanakan.
- 5.2. Pengambilalihan hanya boleh dilakukan sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas tarikh lif, eskalator dan laluan gerak didaftarkan oleh jabatan.
- 5.3. Tatacara permohonan ambil alih lif, eskalator dan laluan gerak adalah seperti berikut:
 - (i) orang kompeten (syarikat) yang berniat untuk ambil alih senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak hendaklah membuat permohonan melalui modul Ambil Alih Senggaraan Lif, Eskalator dan Laluan Gerak dalam sistem MySKUD untuk diproses oleh pejabat JKPP negeri di mana lokasi lif, eskalator dan laluan gerak yang akan diambil alih berada;
 - (ii) orang kompeten (syarikat) hendaklah menyertakan bersama dokumen-dokumen sokongan seperti yang berikut semasa membuat permohonan ambil alih lif, eskalator dan laluan gerak di dalam sistem MySKUD, iaitu:

- (a) surat tawaran/kontrak daripada wakil pemunya/penyelenggara bangunan, selaras dengan peruntukan peraturan 8 (3) Peraturan LYMPK;
- (b) carta perbatuan penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak yang disediakan oleh OYB Lif Gred 1 dan mengandungi perincian terhadap penyenggaraan komponen-komponen lif, eskalator dan laluan gerak serta jangkaan penggantian komponen-komponen tersebut bermula daripada tempoh perjanjian orang kompeten (syarikat) dengan pemunya;
[Nota: carta tersebut hendaklah meliputi sekurang-kurangnya penyenggaraan komponen keselamatan komponen keselamatan (*safety component*) seperti yang dinyatakan dalam standard yang diiktiraf bagi kelancaran operasi sesebuah lif, eskalator dan laluan gerak];
- (c) dokumentasi penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak seperti yang berikut:
 - i) manual penyenggaraan dan operasi dari pengilang asal atau dibangunkan sendiri oleh orang kompeten (syarikat) dengan mengambil kira kehendak dan keperluan teknikal dan bersesuaian dengan lif, eskalator dan laluan gerak yang diambil alih; dan
 - ii) prosedur penyenggaraan operasi, dan prosedur menyelamatkan mangsa terperangkap yang lengkap.
- (d) laporan teknikal/komprehensif/lawatan lapangan yang merangkumi perkara-perkara seperti yang berikut:

- i) butiran teknikal keadaan semasa dan cadangan pembaikan yang perlu dilakukan untuk kesemua lif, eskalator dan laluan gerak yang akan diambil alih oleh OYB lif dan disahkan oleh pemunya/wakil;
- ii) gambar keadaan lif, eskalator dan laluan gerak terutama untuk *essential safety device* dan komponen-komponen penting bagi kelancaran operasi sesebuah lif, eskalator dan laluan gerak.

Nota:

- (1) Sekiranya terdapat sebarang kerja-kerja pengubahan pada lif, eskalator dan laluan gerak, orang kompeten (syarikat) hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan ambil alih senggaraan lif, eskalator dan laluan gerak daripada jabatan sebelum kerja-kerja pengubahan dijalankan.
- (2) Permohonan pengubahan lif, eskalator dan laluan gerak hendaklah dibuat melalui sistem MySKUD (rujuk Panduan Permohonan Kelulusan Pengubahan Rekabentuk Lif 2025).

6.0 LAIN-LAIN

- 6.1. Orang kompeten (syarikat) dikehendaki menghantar notifikasi melalui sistem MyKKP bagi setiap penambahbaikan dan penukaran komponen bagi tujuan rekod dan penguatkuasaan.
- 6.2. Orang kompeten (syarikat) yang ingin menamatkan atau ditamatkan perjanjian penyenggaraan lif, eskalator dan laluan gerak dengan pemunya, hendaklah memaklumkan kepada pejabat JKKP negeri dengan kadar segera.

7.0 PEMBATALAN

Panduan Ambil Alih Senggaraan Lif dan Eskalator 2020 dan Panduan Ambil Alih Senggaraan Lif dan Eskalator (Pindaan) 2023 adalah dengan ini terbatal.

8.0 PERTANYAAN

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini, sila kemukakan pertanyaan tersebut kepada Bahagian Keselamatan Industri, JKKP Ibu Pejabat.